Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama

مسلمين
MUSLIMIN

Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

PERCUMA

TAHUN 25 • BILANGAN 1
Safar-Rabiulawal 1434H / Januari 2013M

DOA AGAR TIDAK CENDERUNG KEPADA KESESATAN DAN UNTUK MEMOHON RAHMAT ALLAH

(Mereka berdoa): "Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami setelah Engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisiMu. Sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang Maha Melimpah-limpah kurniaNya".

(Surah A-li-'Imraan ayat 8)

براڠكت كفرهيمفونن دان فراراكن مولد نبي محمد صلى الله عليه وسلم

اوله: حاج ساينى حاج متوسين

كباوه دولي يڠمها مليا برامه مسرا برسام فسرت فراراكن

بندر سري بكاون — كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقيه معز الدين والدوله ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يڠ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام بركنن براڠكت كمجليس سمبوتن مولد نبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نكارا باكي تاهون ١٤٣٤ هجره برتمفت دتامن حاج سر مودا عمر علي سيف‌الدين فد ١٢ ربيع الأول ١٤٣٤ برسمأن ٢٤ جنواري ٢٠١٣.

كبراڠكتن كباوه دولي يڠمها مليا دجونجو ڠ اوله فمڠكو منتري حال إحوال أكام، يڠمليا فڠيران داتؤ فادك حاج بهروم بن فڠيران حاج بحر، سرت أهلي٢ جواتنكواس ترتيڠكي سمبوتن يڠ لأين.

براڠكت سام دولي يڠ ترامت مليا فادك سري فڠيران مودا مهكوتا فڠيران مودا حاج المهتدى بالله، دولي يڠ ترامت مليا فادك سري فڠيران فردانا وزير صاحب الهمة والوقار فڠيران مودا محمد بلقيه دان دولي يڠ ترامت مليا فادك سري فڠيران دكادو ڠ صاحب المال فڠيران مودا حاج جفري بلقيه.

توروت براڠكت اياله يڠ ترامت مليا فادك سري دولي فڠيران مودا حاج عبدالعظيم، يڠ ترامت مليا فادك سري دولي فڠيران مودا حاج عبدالمالك دان يڠ ترامت مليا فادك سري دولي فڠيران مودا عبدالوكيل برسرت قرابة دراج يڠ لأين.

مجليس دمولاكن دڠن بجأن سورة الفاتحه برامي–رامي دكتواءي اوله مفتي كراجأن، يڠبرحرمة فيهين داتو سري مهاراج داتوء فادك سري ستيا (دكتور) أستاذ حاج اوا ڠ عبدالعزيز بن جونبد.

اتورچارا مجليس دتروسكن دڠن سمبه الو–الوان اوله فمڠكو منتري حال إحوال اكام، يڠمليا فڠيران داتؤ فادك حاج بهروم بن فڠيران حاج بحر دالم سمبه الو–الوانن انتارا لأين مپمبهكن بهوا كبراڠكتن كباوه دولي يڠمها مليا

(Bersambung ke muka surat 3)

رسول الله سباكي رول مودل سفنجغ زمان

الحمدلله، شكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران كيت ماسيه دبريكن كسمفتن انتوق برجومفا دغن تاهون بارو ٢٠١٣ مسيحي.

تاهون بارو سريغكالي دكايتكن دغن عزم بارو. سفرت مان تاهون بارو هجره، كيت سريغكالي برعزم انتوق ملاكو كن فراوبهن–فراوبهن دان فغهجرهن كفد يغ لبيه بأيك دالم فلباكي أسفيك كهيدوفن.

نامون أف يغ فنتيغ، كيت هندقله لبيه برأوسها ممفرتيغكتكن إيمان، منجأوهكن كموغكارن سرت كمبالي ممفربتولكن كرق كرجا دان هيدوف كيت دغن سنتياس ممحاسبه ديري.

سهوبوغن ايت، كيت جوك ميمبوت بولن كلاهيرن جونجوغن بسر كيت فد بولن اين.

رسول الله صلى الله عليه وسلم اداله سبأيك–بأيك إيكوتن دان " أُسوة حسنة" سفرت مان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأحزاب أية ٢١، تفسيرن:

" دمي سسوغكوهن، أداله باكي كامو فد ديري رسول الله ايت چوتّوه إيكوتن يغ بأيك، يايت باكي أورغ يغ سنتياس مغهارفكن (كريضأن) الله دان (بلاسن بأيك) هاري أخيرة، سرت إي فولا ميبوت دان مغإيغاتي الله بأيك–بأيك (دالم ماس سوسه دان سنغ)"

أوليه ايت، سكل جونتوه إيكوتن يغ إيغين دأمبيل أوليه أومت إسلام سمأد سباكي فميمفين، كتوا كلوارك، فنديديق ، فلاجر دان سباكين أد ددالم ديري بكيندا. مك بوليهله كيت جاديكن رسول الله سباكي "رول مودل" دالمممبينا عزم بارو دان ملقسانكنن.

تروسكنله انتوق منجافي عزم يغ بلوم ترلقسنا دغن سماغت دان تيكد يغ لبيه قواة انتوق تروس منجان كأره كماجوان ديري. جك فد تاهون لالو كيت تله منجافي بيراف كجايأن، مك فد تاهون اين بيارله كيت منجيفتا كجايأن يغ لبيه بايك درفد تاهون لالو كران سأورغ مسلم يغ چمرلغ أكن سنتياس مغأرهكن ديري مريك كأره يغ لبيه بايك.

نامون عزم ايت بوكنله هاك أنتوق دتاهون بارو سهاج ملاهن فرلو دكيلاف دالم ستيف هاري كهيدوفن كيت خصوصن دالم ممفربأيكي ديري. أوليه ايت، سموك تاهون بارو إين ممباو لمبارن بارو كفد سموا مسلمين دان مسلمات.

ANGGOTA REDAKSI

Ketua
Dayang Hajah Middeni binti Haji Lamit
(Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan)

Penolong Ketua
Dayang Hajah Suriyati binti Haji Ahmed
(Ketua Unit Penerbitan, Pembahagian & Pemasaran)

Editor Penyelaras
Dayang Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Kumpulan Tenaga Kerja
Dayang Qairunnisa binti Haji Jalil
Dayang Ratnawati binti Abdul Karim
Awang Mohamad Zelihan bin Ahad
Awang Haji Saini bin Haji Metussin
Dayang Azizah binti Hidup
Awang Dahlan bin Chuchu
Dayang Nor Zuriana binti Haji Azman/Malai
Dayang Zunnur Amni binti Awang Damit
Dayang Suriati binti Haji Ali Hussin

Pengerusi Pengedaran
Dayang Hajah Margawati binti Abdul Rahman

Jurugambar
Jurugambar Pusat Da'wah Islamiah dan Ihsan
Jabatan Penerangan

(Sambungan dari muka surat 1)

كمجليس فرهيمفونن ايت لبيه برمعنا دان لبيه برسري.

كاتڽ، دڠن اداڽ فرهيمفونن دان فراراكن سرت سام٢ ملاوڠكن صلوات كأتس جونجوڠن بسر كيت نبي محمد صلى الله عليه وسلم سموك كيت سموا اكن لبيه برسماڠت مڠحياتي اكن فرجواڠن بكندا سرت مڠيكوتي سكل اجرن٢ بكيندا.

"موده–مودهن كيت سموا اكن سنتياس مندافت رحمة دان كبركتن درفد الله سبحانه وتعالى".

كباوه دولي يڠمها مليا كمدينڽ بركنن براڠكت منريما جونجوڠ زياره دري كتوا٢ فاسوقن يڠ مڠمبيل بهاكين دالم فرهيمفونن ترسبوت.

اجارا دتروسكن دڠن فرسمبهن ديكير مرحبا دباواكن اوله فاسوقن ديكير كمنترين كواڠن دايكوتي تيمبقن مريام سباڽق ٢١ دس سبأيك سهاج سمفاي كفد 'ياحبيبي'.

باكي مموهون كبركتن دان شفاعة، دعاء سلامت دباچكن اوله مفتي كراجأن. سبلوم فراراكن برمولا، بچأن صلوات سباڽق تيك كالي دكواءي اوله يڠبرحرمت فيهين داتو امام داتوء فادك سري ستيا أستاذ حاج اواڠ عبدالحميد بن باكل.

فراراكن مڠليليڠي بندر سري بكاون سكيتر 4.3 كيلوميتر ددهولوي اوله كباوه دولي يڠمها مليا دايكوتي اوله قرابة٢ دراج دان فمبسر٢ نكارا سرتا فاسوقن٢ يڠ مڠمبيل بهاكين.

سباڽق ١٤١ بواه فاسوقن ترديري درفد فاسوقن٢ براونيفورم، كمنترين٢ دان جباتن٢ كراجأن، مجليس فروندڠن مقيم دان كمفوڠ، اينستيتوسي٢ فڠيران تيڠكي، سكوله٢، فرساتوان٢ دان شريكت٢ سواستا مپرتأي فرارقكن ترسبوت دڠن جمله كراماين ١٧ ريبو اورڠ.

تيما سمبوتن مولد نبي محمد صلى الله عليه وسلم فريڠكت نكارا باكي تاهون ١٤٣٤ هجره / ٢٠١٣ مسيحي اياله 'رسول الله تلادن سفنجڠ زمان'.

فد تاهون اين فرهيمفونن دان فرارقكن سرت فرباريسن تله دفرتنديڠكن دان اياڽ دبهاكيكن كفد ليم كاتيكوري يايت كاتيكوري سكوله رنده / اكام / فرسديأن عرب / سواستا، كاتيكوري سكوله منڠه / عرب / اينستيتوسي٢ فڠاجين تيڠكي / مكتب / سواستا، كاتيكوري كمنترين دان جباتن٢ كراجأن، كاتيكوري مقيم / كمفوڠ / مجليس فروندڠن كمفوڠ / اهلي جوانتكواس تعمير مسجد دان كاتيكوري فرساتوان٢ دان سيكتور سواستا.

سمنتارا ايت فرهيمفونن دان فرارقكن سمبوتن مولد نبي محمد صلى الله عليه وسلم دأداكن سجارا سرنتق دكأمفت–أمفت داءيره دأيره بلايت دأداكن دفادڠ بندران كوالا بلأيت دمان تتاموكحرمتڽ اياله ستيا اوسها تتف كمنترين فرتاهنن، كولونل (برسارا) فڠيران داتوء فادك حاج عزمان شام بن فڠيران حاج محمد.

ددأيره توتوڠ دأداكن دفادڠ كومفليكس ديوان كمشاركتن توتوڠ دمان تتامو كحرمتڽ اياله ستيا اوسها تتف كمنترين حال إحوال لوار نكري دان فرداكڠن، داتوء فادك اواڠ حاج صفري بن حاج عبدالغفار.

مناكالا ايت ددأيره تمبوروڠ فولا دأداكن دفادڠ ديوان كمشاركتن فكن باڠر تمبوروڠ دان تتامو كحرمتڽ اياله ستيا اوسها تتف كمنترين كصيحتن، اواڠ حاج سيف البحري بن حاج اواڠ منصور.

كباوه دولي يڠمها مليا برسام أناكندا٢ دان أديندا بكيندا مولاكن فراراكن

لاوتن كرجا يڠ برحرمت منتري حال إحوال أكام كسكوله أكام تنجوڠ مايا دائرة توتوڠ

أوليه: عزيزة هيدوف

توتوڠ – رابو، ٢٦ صفر ١٤٣٤هـ برسمأن ٩ جنواري ٢٠١٣– يڠ برحرمت فڠيران داتوء سري ستيا دكتور حاج محمد بن فڠيران حاج عبد الرحمن، منتري حال إحوال أكام دان رومبوڠن تله مڠأدكن لاوتن كسكوله أكام تنجوڠ مايا داءيره توتوڠ انتوق ممفستيكن كسليسأن فلاجر–فلاجر بارو دان مليهت سنديري سواسان فرسكولهن أكام برمولا.

دالم أوجڤنن سماس لاوتن ايت، يڠ برحرمت بركات فرينته فنديديقن أكام واجب مروفاكن ساتو كجايأن بسر يڠ تله دجافاي أوليه نكارا اين دالم سجاره فنديديقن أكام سجق فرسكولهن أكام سجارا برسيستم مودن دتوبوهكن فد تاهون ١٩٥٦.

منوروتن فنديديقن أكام دنكارا كيت ساڠت جنتيق كران برلندسكن عقيدة أهل السنة والجماعة دان برمذهب إمام شافعي أكام يڠ ترمكتوب دالم فرلمبكأن نكارا بروني.

تريات لنداسن اين جلس يڠ برحرمت مڤدياكن سماين يڠ اينده دان سوبور انتوق أومت إسلام دان سلوروه فندودوق دنكارا اين دمان مشاركت اسلام دان بوكن اسلام دافت هيدوف دالم أمن داماي، برساتو فادو دان ساليڠ برتاوتن انتارا رعية دڠن فميمفين، دان فميمفين دڠن رعية.

منوروت يڠ برحرمت ، سكوله–سكوله أكام دسلوروه نكارا سجارا سرنتق تله منريما كماسوقن فلاجر–فلاجربارو انتوق برسكوله دسكوله أكام ستله فرينته فنديديقن أكام واجب ٢٠١٢ مولا بركواتكواس فد ١ جنواري ٢٠١٣.

"جمله كسلوروهن فلاجر–فلاجر بارو تاهون اين باكي سلوروه نكارا اياله ٥٠٣٦ أورڠ ، يايت للاكي سرامي ٢٥٨٨ أورڠ دان فرمفوان سرامي ٢٤٤٨ أورڠ. ڤجاهن باكي دائره–دائره اياله ٣٧١٤ فلاجر داري دائره بروني موارا، ٦٢٥ فلاجر داري دائره بلايت ، ٥٩١ فلاجر داري دائره توتوڠ ، دان ١٠٦ أورڠ فلاجر داري دائره تمبوروڠ"، ترڠ يڠ برحرمت.

سمنترا ايت، دالم أوجڤن كات–كات نصيحت يڠ برحرمت منتري حال إحوال أكام توروت مموجي سكوله–سكوله سواستا دالم مندوكوڠ دان مڠمبيل اينيسياتيف سنديري مڤدياكن كلس–كلس أكام دسكوله ماسيڠ–ماسيڠ باكي ممنوهي كفرلوان فلاجر يڠ برأكام اسلام.

تاهون اين جلس يڠ برحرمت، تردافت امفت بواه سكوله أكام سواستا يايت سكوله أكام ياياسن سلطان حاج حسن البلقية، سكوله أكام انتارابڠسا براكس، سكوله أكام انتارابڠسا جرودوڠ دان سكوله أكام بلقية.

"ببراف بواه سكوله توروت دباڠونكن باكي منمفوڠ فرتمباهن فلاجر–فلاجر دسكوله أكام لمبق كانن يڠ أكن دكوناكن سديكيت ماس لاكي، ببراف بواه دالم فروسيس فمبينأنن يڠ ترلتق دكامفوڠ كيولف ، كامفوڠ كريام، كامفوڠ مديوا دان كوفاڠ" ، تمبه يڠ برحرمت.

منتري حال احوال أكام سماس ممبواة لاوتن كبيليك٢ درجه

جلس يڠ برحرمت فڠيران داتوء لاكي، كورو–كورو أكام داري جباتن فڠاجين اسلام، كمنترين حال إحوال أكام تله دأتوركن انتوق منجادي تناك فڠاجر دسكوله–سكوله اين، كوريكولوم يڠ دأجركن ادله سام سفرتي سكوله–سكوله أكام كراجأن.

كتيبأن يڠ برحرمت دان رومبوڠن كسكوله أكام تنجوڠ مايا، دائره توتوڠ ايت دألو–ألو كن أوليه كورو بسر سكوله بركنأن ، دايڠ عزيزة بنت حاج ساهت دمان بلياو جوك بركسوديان ممبريكن تعليمات مڠناءي فركمباڠن سكوله بركنأن. سكوله أكام تنجوڠ مايا.

(Bersambung ke muka surat 7)

SKIM GALAKAN AL-QUR'AN
SEMPURNAKAN TUNTUTAN FARDHU 'AIN

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN – Al-Qur'an adalah kalamullah dan mukjizat teragung junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang merupakan sumber dan keperluan asasi kepada sesuatu pendidikan khususnya pendidikan agama. Kemampuan membaca al-Qur'an merupakan tuntutan fardhu 'ain kerana kesempurnaan bacaan al-Qur'an itu mempunyai hubungan rapat dengan kesempurnaan ibadat sembahyang seseorang.

Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama berucap semasa menjadi tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Qur'an Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Kali Ke 22 Tahun 1433H/2012M, yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 19 Rabiulawal 1434 bersamaan 31 Januari 2013.

Tambah beliau lagi, "Al-Qur'an mengandungi petunjuk yang 'aqwam', peringatan dan pengajaran yang menjadi sukat-sukat serta garispandu dalam kehidupan kita bermasyarakat dan dalam melaksanakan tugas serta amanah sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini demi meraih kebahagiaan hidup di dunia dan kejayaan juga di akhirat."

Menyentuh mengenai Skim Galakan Khatam Al-Qur'an Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Kali Ke 22 Tahun 1433H/2012M ini, beliau menambah, pengajaran dan pembacaan al-Qur'an di peringkat awal kanak-kanak sememangnya dituntut dan digalakkan yang mana pengajaran al-Qur'an kepada mereka melalui pembacaan adalah sebagai satu usaha menanamkan asas keimanan yang padu dalam jiwa raga mereka.

Tetamu kehormat semasa berucap di majlis berkenaan.

Salah seorang pemenang menerima cenderamata daripada tetamu kehormat.

Sebahagian daripada peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Sebahagian daripada jemputan yang hadir.

"Skim Galakan ini merupakan langkah mendidik, mengasuh dan mencungkil potensi, bakat dan kemahiran murid-murid dari peringkat rebung lagi agar mempunyai jati diri, bersemangat dan berani untuk tampil ke hadaoan dengan harapan mereka ini yang akan mewakili tunas bangsa yang akan dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara yang tercinta," tambahnya.

Dari 85 murid yang menyertai skim tersebut, cuma 37 murid saja yang terpilih menerima sijil masing-masing di majlis berkenaan yang disempurnakan penyamapaiannya oleh tetamu kehormat. Seorang murid menerima hadiah murid cemerlang, empat menerima hadiah sangat baik, 19 menerima hadiah baik dan 13 menerima hadiah saguhati.

Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Qur'an Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab ini merupakan projek tahunan Jabatan Pengajian Islam melalui Bahagian Kokurikulum yang telah dilaksanakan sejak tahun 1991.

منتري حال احوال أكام تريما كونجوغن حرمت

أوليه: عزيزة هيدوف

بندر سري بكاون – رابو، ٢٦ صفر ١٤٣٤ه برسمأن ٩ جنواري ٢٠١٣– منتري حال إحوال أكام ، يغ برحرمت فغيران داتوء سري ستيا دكتور حاج محمد بن فغيران حاج عبدالرحمن منريما كونجوغن حرمت درفد ستياأوسها نكارا كمنترين بوروه دان لاتيهن بوكيسيونل، كراجأن كمبوجا ، توان يغ ترأوتام داتوء عثمان حسن يغ برلغسوغ دبيليك ماور، كمنترين حال إحوال أكام دسيني.

توروت حاضر إياله ستيا أوسها تتف (بهاكين داسر دان كأكامأن) كمنترين حال إحوال أكام ، أواغ حاج عبدالعزيز بن أورغ كاي مهاراج ليلا حاج محمد يوسف دان تيمبالن ستيا أوسها تتف كمنترين حال إحوال أكام ، أواغ حاج هارون بن حاج جونيد.

كونجوغن حرمت توان يغ ترأوتام برتوجوان انتوق مغإيراتكن صلة الرحيم أنتارا كدوا–دوا بله فيهق، دسمفيغ برتوكر–توكر فنداغن سرت مغنل فستي فلواغ كرجسام دوا حالا دالم كمنترين حال إحوال أكام نكارا بروني دارالسلام دان كراجأن كمبوجا دالم فمبينأن أومت اسلام د نكارا ترسبوت.

منتري حال احوال أكام سماس منريما چندرامات درفد توان يغ تراوتام داتوء عثمان حسن

منتري حال احوال أكام دان رومبوغن درفد كمنترين بوروه دان لاتيهن بوكيسيونل كراجاءن كمبوجا

ROMBONGAN IHYA MAULIDUR RASUL
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh: Azizah Hidup

BANDAR SERI BEGAWAN – Selasa, 3 Rabiulawal 1434 bersamaan 12 Januari 2013 -Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama meneruskan lagi Majlis Ihya Maulidur Rasul dengan berkunjung ke Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampong Tungku / Katok selepas Sembahyang Fardhu Maghrib.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan seterusnya mengepalai bacaan Surah al-Faatihah bagi memulakan majlis.

Jadual rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama seterusnya ialah pada hari Rabu, 4 Rabiuawal 1434 bersamaan 16 Januari 2013 dengan berkunjung ke Masjid Kampong Sungai Liang, Daerah Belait selepas Sembahyang Fardhu Maghrib.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid dan seterusnya mengepalai bacaan Surah al-Faatihah bagi memulakan majlis.

Turut hadir di majlis tersebut, ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh serta Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para jemaah dan penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

Majlis Ihya Maulidur Rasul yang diadakan di keempat-empat daerah seluruh negara mengikut jadual yang telah dicadangkan itu bertujuan untuk menghidupkan malam-malam Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* serta menghubungkan silaturrahim di antara warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Ahli Qaryah masjid berkenaan dan orang ramai.

Selain itu ia juga untuk berselawat dan memuji Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan syafaat dari Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

KURSUS KEPIMPINAN **MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR** KE-6 KUPU SB

Oleh: Suriati Hj. Ali Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN – Majlis Perasmian Kursus Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Kali Ke-6 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah berlangsung di Dewan Silaturahim Pusat Belia pada 19 Safar 1434 bersamaan 2 Januari 2013.

Awang Haji Abdul Aziz bin OKML Haji Mohd. Yussof, Setiausaha Tetap (Bahagian Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam ucapan perasmiannya berkata kursus kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar merupakan usaha untuk membentuk kepimpinan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dan seimbang, di samping membentuk pelapis pemimpin yang dinamik dan berkebolehan luas yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Seterusnya beliau berkata kursus seumpama ini sedikit sebanyak membantu pemimpin pelajar untuk menangani cabaran yang monumental, iaitu hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam menjelang tahun 2035, dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Beliau menyeru para pemimpin pelajar menyemaikan semangat dan azam yang membara ke arah aktiviti-aktiviti yang bermanfaat yang dapat membangunkan diri, sebagai seorang insan yang beriman, berakidah mantap, berakhlak mulia, berkualiti, berkompentinsi, produktif dan berinovasi serta berkemampuan untuk mempengaruhi proses pengurusan organisasi dengan menghasilkan peningkatan prestasi kerja yang konsisten yang secara langsung akan menjadi penawar kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya menasihatkan para pemimpin pelajar agar menunaikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, penuh iltizam dan sabar untuk melonjakkan potensi bukan sahaja potensi diri sendiri dan potensi kerja berpasukan, malah melonjakkan potensi nama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang mempunyai Majlis Perwakilan Pelajar yang digalati dan berkepimpinan tinggi.

Antara lain objektif kursus kepimpinan itu ialah untuk menjana kepelbagaian strategi pengurusan aktiviti hal ehwal pelajar yang menjurus kepada kesempurnaan dan kecemerlangan kerja dan kualiti, kecekapan dan keberkesanan dalam organisasi serta mewujudkan mahasiswa yang bekerjasama dan bertoleransi dalam berpasukan dan bersatu padu dalam apa jua keadaan.

Ianya juga bertujuan bagi melahirkan pemimpin yang berkeyakinan tinggi, berketerampilan dan berdaya tahan dari segi kerohanian, mentaliti dan fizikal yang berperanan penting untuk menggerakkan entiti yang telah diwujudkan, di samping menerapkan, mengembangkan dan memantapkan ilmu serta pengalaman terhadap keutamaan tanggungjawab kerja dalam berpersatuan. Ia juga untuk memastikan semua pemimpin pelajar mengenali dan memahami sistem perundangan yang berkuat kuasa di kolej berkenaan mengikut piawaian yang telah ditetapkan agar pemimpin pelajar tidak melanggar sebarang peraturan yang ditetapkan oleh pihak kolej secara tidak langsung mampu menjadi model kepada pelajar lain untuk mengikut peraturan dan etika yang ditetapkan.

(Sambungan dari muka surat 4)

سكوله اين مولا دكوناكن فد ١٩ جون ٢٠١٢ دان بوله منمفوغ كراميان ٢٠٠ أورغ فلاجر.

توروت ميرتاءي لاوتن ترسبوت اياله تيمبالن ستيا أوسها تتف، كمنترين حال إحوال أكام، أواغ حاج هارون بن حاج جونيد.

يغ برحرمت سرت رومبوغن ممولاكن لاوتن دغن منينجاو كبيليك٢ درجه باكي مليهت سجارا دكت لاكي فروسيس فڤاجرن دان فمبلاجرن سرت براينتراكسي برسام فلاجر دان كورو دسكوله أكام بركنأن.

سيسي بركمبر رامي

منتري حال احوال أكام سماس مڠحاضري تعليمت

MAJLIS PEMBUKAAN IHYA MAULIDUR RASUL

Oleh: Azizah Hidup

Menteri Hal Ehwal Ugama bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN – Sabtu, 29 Safar 1434 bersamaan 12 Januari 2013 - Bagi memeriahkan dan menyemarakkan sambutan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* 1434 Hijriah/2013 Masihi, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengendalikan Majlis Ihya Maulidur Rasul di masjid-masjid seluruh negara bagi tahun 1434H/2013M.

Majlis Pembukaan Ihya Maulidur Rasul di masjid-masjid seluruh negara telah diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddien.

Hadir pada majlis malam itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan seterusnya mengepalai bacaan Surah al-Faatihah beramai-ramai bagi memulakan majlis.

Seterusnya persembahan Dikir "Assalamu'alaika" disampaikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, kemudian diikuti persembahan Dikir "Alhamdulillah" oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Persembahan Dikir "Badat" pula disampaikan oleh Jabatan Pengajian Islam dan terakhir pegawai dan ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA) dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mempersembahkan Dikir "Asyraqal".

Majlis Dikir diakhiri dengan bacaan doa dikir yang disampaikan oleh Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim dan doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Tujuan majlis diadakan untuk sama-sama berselawat dan memuji Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, di samping itu untuk mendapatkan ganjaran pahala dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan syafaat dari Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, selain itu untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama Islam.

Majlis Ihya Maulidur Rasul di masjid-masjid seluruh negara telah diadakan pada setiap malam mulai 12 hingga 24 Januari bersamaan 29 Safar hingga 12 Rabiulawal bagi menghidupkan malam-malam sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Suasana sekitar majlis diadakan.

KURSUS FIQH AT-THAHARAH BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN – Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah telah mengungkayahkan Kursus At-Thaharah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Kursus selama empat hari iaitu bermula pada 2 hingga 5 Rabiulawal 1434 bersamaan 14 hingga 17 Januari 2013 itu diadakan di Bilik Kuliah Tingkat 1, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Peserta kursus lelaki.

Seramai 47 peserta yang dicalonkan oleh jabatan masing-masing menerima sijil setelah menamatkan kursus mereka di majlis penutupan kursus berkenaan. Majlis berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, Berakas.

Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Dayangku Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Ketua Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Kursus yang merupakan Rancangan Tahunan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah diadakan bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan agama Islam khususnya yang berhubungkait dengan bab Thaharah, di samping menghalusi tatacara berwudhu', tayammum dan mandi wajib berserta praktikalnya.

Tenaga pengajar yang mengendalikan kursus tersebut ialah Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah dan Dayang Amalhayati binti Haji Amit, pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat Da'wah Islamiah berharap, dengan menghadiri kursus seumpama ini akan dapat memberikan kefahaman, mengulangkaji pengetahuan yang ada dan meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada untuk diamalkan dalam kehidupan dan menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dayangku Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Ketua Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus.

Peserta kursus perempuan.

KUPU SB SERTAI IPT ASEAN 2013
DI NEGERI SEMBILAN

Oleh: Haji Saini Haji Metussin

BANDAR SERI BEGAWAN – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPT) ASEAN 2013

Pada Program tersebut Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) turut menghantar perwakilannya seramai 15 orang pelajar dan empat orang pegawai pengiring yang diketuai oleh Dekan Pengajarnya, Awang Haji Roslan bin Haji Untong pada 19 Rabiulawal 1434 bersamaan 31 Januari 2013.

Program berkenaan melibatkan empat acara utama iaitu Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an IPT ASEAN, Pertandingan Nasyid IPT ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda ASEAN yang berlangsung di Kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tema Ihtifal adalah 'Belia Islam Pemangkin Transformasi Ummah', bertunjangkan panduan Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Maa'idah ayat 2 yang tafsirnya: *"Dan bertolong-tolonglah kamu pada jalan kebaikan dan ketaqwaan dan janganlah bertolong-tolong pada perkara dosa dan permusuhan."*

Tujuan program ini diadakan adalah bagi menjalin hubungan baik melalui perkongsian pintar bersama IPT dalam menyemarakkan aktiviti Islamisasi dan pembangunan insan di dalam kampus. Ini kerana kehidupan mahasiswa tidak cukup hanya dengan ilmu akademik semata-mata, mereka perlu juga diberi pendedahan kehidupan realiti di luar kampus.

Selain dari itu, program ini dianjurkan adalah sebagai satu pendedahan penting kerana ia juga membolehkan mahasiswa membina hubungan baik dengan masyarakat sebaik sahaja menamatkan pengajian, selain menimba ilmu akademik dan kemahiran di kampus.

Para pelajar KUPU SB telah menyertai empat acara iaitu Pertandingan Debat Bahasa Arab, Pertandingan Nasyid, Pertandingan Tilawah Al-Qur'an dan Konvensyen Muda IPT ASEAN 2013.

Turut serta ialah Pegawai Pengiring, Dr. El Rashid Yusouf Mohamed, Awang Haji Zainal Arifin Ridhwan Lubis dan Pengiran Anak Hajah Noorsyed'ddah binti Pengiran Anak Haji Ismail selaku Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar.

Ini merupakan penyertaan kali kedua. Penyertaan KUPU SB kali pertama ialah pada tahun 2012, dan telah menghantar tujuh orang pelajar.

PENYERAHAN BANTUAN PERALATAN PERUBATAN

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN – Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap penderitaan yang ditanggung oleh golongan daif, fakir dan miskin yang memerlukan bantuan, pihak Majlis Ugama Islam Brunei telah berusaha bagi meringankan beban yang mereka tanggung. Ini termasuk juga bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti susah bernafas dan sebagainya, yang tidak berkemampuan unuk membeli peralatan perubatan untuk digunakan di rumah.

Sehubungan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui majlis ini telah menghulurkan bantuan peralatan perubatan (mesin pernafasan) kepada Awang Md. Mansur bin Abdullah Luar @ Masuh bin Luar, bertujuan agar pemohon tidak payah berulang alik ke rumah sakit untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan pernafasan.

Majlis penyerahan bantuan berupa Mesin Pernafasan diambil melalui bantuan peruntukan Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam sebanyak $2,888.00 tersebut disempurnakan oleh Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar, Setiausaha Majlis Ugama Islam, Brunei. Majlis berlangsung di Rumah Sakit Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong pada 19 Safar 1434 bersamaan 2 Januari 2013.

Awang Md. Mansur berusia 52 tahun telah memeluk agama Islam pada 12 November 1997. Beliau dan isterinya bekerja sebagai buruh dan mempunyai dua orang anak yang masih bersekolah.

Hadir di majlis tersebut ialah pegawai-pegawai daripada Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dan pegawai-pegawai daripada Rumah Sakit Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

MENANGI HADIAH
$50.00
dengan menyertai Kuiz Agama dalam rancangan
MAJALAH UGAMA
92.3 93.8FM
nasional
setiap **Hari Khamis, 8.15 malam**
siaran ulangan
Hari Juma'at, 2.30 petang

ROMBONGAN DIKIR KHEU
BERKUNJUNG KE BALAI IBADAT KAMPONG SIBUT

Oleh: Suriati Hj. Ali Hussin

TEMBURONG – Selain untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, Majlis Dikir adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, selain memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam menyebarkan agama Islam.

Sehubungan itu, rombongan dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah berkunjung ke Balai Ibadat Kampong Sibut, Daerah Temburong yang diketuai oleh Awang Haji Harun bin Haji Junid, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama. Majlis berlangsung pada 7 Rabiulawal 1434 bersamaan 19 Januari 2013.

Hadir sama dalam rombongan tersebut pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pegawai serta kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah al-Faatihah diketuai oleh Awang Haji Harun bin Haji Junid dan diikuti dengan majlis dikir. Antara dikir yang dibawakan pada malam tersebut ialah Dikir Assalamu Alaika, Dikir Badat dan Dikir Ashraqal.

Antara tujuan rombongan berdikir Kementerian Hal Ehwal Ugama ini dilaksanakan selain untuk menghidupkan malam-malam sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, ianya juga bagi menghubungkan silaturrahim di antara warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan ahli qaryah Balai Ibadat Kampong Sibut dan penduduk kampung di sekitarnya.

Suasana sekitar majlis.

ROMBONGAN DIKIR KE PERKAMPONGAN SAUDARA-SAUDARA BARU

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin

Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Musa, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamihan bersama pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah semasa menghadiri majlis berkenaan.

Rombongan lelaki Pusat Da'wah Islamiah tidak ketinggalan untuk turut serta bersama saudara-saudara baru di majlis berkenaan.

KAMPONG BEBULUH – Bersempena dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, rombongan dikir Pusat Da'wah Islamiah telah berkunjung ke Balai Ibadat Kampong Bebuluh pada 7 Rabiulawal 1434 bersamaan 19 Januari 2012. Mengetuai rombongan ialah Dayang Hajah Azizah binti Haji Musa, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Acara bermula dengan sembahyang fardhu maghrib berjemaah dan disusuli dengan dikir syarafil anam. Majlis juga diserikan dengan persembahan tausyeh daripada belia-belia Kampong Bebuluh.

Majlis yang sama juga berlangsung di Pos Da'wah Kampong Selapon, Daerah Temburong. Mengetuai rombongan Bahagian Da'wah Temburong ialah Awang Haji Hazimin bin Haji Metali, sementara rombongan Bahagian Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah diketuai oleh Awang Haji Abas bin Haji Tuah.

Majlis bertujuan memeriahkan dan memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* selain untuk mendapatkan keberkatan dan rahmat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta memberikan kesedaran kepada umat Islam terutama di kalangan saudara-saudara baru tentang betapa besarnya pengorbanan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam menyebarkan agama Islam.

Sebahagian daripada saudara-saudara baru yang turut hadir di majlis berkenaan

Persembahan tausyeh daripada belia-belia Kampong Bebuluh menyerikan lagi suasana majlis.

Gamitan Islam

"Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya"

Islam tidak terbatas kepada mengamalkan Rukun Islam dan ibadat rutin sahaja sepertimana yang difahami oleh sebilangan manusia. Ia sebenarnya lebih luas lagi. Di dalamnya terkandung ilmu aqidah, konsep kehidupan di dunia dan akhirat, syariat, syiar, akhlak dan pelbagai bidang ilmu yang berkaitan dengan kehidupan individu.

Untuk menjadi muslim yang sempurna di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah dengan mengamalkan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menjauhkan segala perkara-perkara yang dilarangNya.

Alhamdulillah, dengan hadirnya tahun 2013 ini, cahaya Islam terus memancarkan sinarnya di persada Brunei Darussalam. Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah, pada bulan ini telah mencatatkan seramai **36 orang** telah memeluk agama Islam iaitu 34 orang dewasa dan dua orang kanak-kanak.

Semoga cahaya Islam ini akan terus memancarkan cahayanya di negara yang tercinta ini, Amin.

DAERAH BRUNEI DARUSSALAM

Iban	2
Cina	3
Filipina	3
Ersin / Eropah	1
Lain-lain	4

DAERAH TUTONG

Iban	1
Dusun	7
Cina	1
Filipina	2
Lain-lain	1

DAERAH BELAIT

Dusun	2
Cina	1
Filipina	1

DAERAH TEMBURONG

Iban	2
Dusun	1
Cina	1
Thailand	1

Doa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*

رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدۡخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدۡ أَخۡزَيۡتَهُۥۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ١٩٢ رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعۡنَا مُنَادِيٗا يُنَادِي
لِلۡإِيمَٰنِ أَنۡ ءَامِنُواْ بِرَبِّكُمۡ فَـَٔامَنَّاۚ رَبَّنَا فَٱغۡفِرۡ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرۡ عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلۡأَبۡرَارِ
١٩٣ رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخۡزِنَا يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۗ إِنَّكَ لَا تُخۡلِفُ ٱلۡمِيعَادَ ١٩٤

سورة آل عمران اية ١٩٣–١٩٤

Tafsirnya:

Ya Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar (seruan) seorang penyeru (Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*) yang menyeru kepada iman (dengan berkata): "Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu," maka kami pun beriman. "Ya Tuhan kami! Ampunkanlah bagi kami dosa-dosa kami, hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang-orang yang berbakti (para nabi dan orang-orang salih). Ya Tuhan kami! Berikanlah kami apa yang Engkau telah janjikan kepada kami melalui rasul-rasulMu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak memungkiri janji"

Keterangan

Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* sering mengamalkan doa ini di setiap kesempatan yang ada.

أسوهن اخلاق
ASUHAN AKHLAK

Selawat Ke Atas Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*

Selawat ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan suatu amalan yang disyariatkan oleh Islam.

Ianya juga sebagai satu ibadat yang sangat dituntut kepada umat Islam dalam setiap masa sebagai menandakan ingatan, cinta dan kasih kita terhadap baginda di atas jasa dan pengorbanan yang amat besar terhadap Islam dan perkembangannya.

Orang yang tidak berselawat dianggap sebagai orang yang tidak mengenang budi (tidak menyanjung) baginda sehinggakan syara' melabelkan mereka sebagai orang yang bakhil.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam Surah al-Ahzaab ayat 56, tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan".

Manakala di dalam hadits riwayat at-Tirmidzi daripada Abdullah bin Mas'ud *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, bermaksud:

"Sesungguhnya manusia yang paling utama denganku pada hari kiamat ialah yang paling banyak berselawat ke atasku".

Hadits riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda bermaksud:

"Barangsiapa yang berselawat ke atasku sekali nescaya Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali".

Di antara fadhilat berselawat ialah:

- Seseorang itu akan selalu berada bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* di hari akhirat kelak.
- Terhindar daripada segala yang mendukacitakan dari perkara-perkara dunia dan akhirat.
- Beroleh syafa'at yang khusus daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pada hari akhirat.
- Malaikat selalu berdoa untuknya selama ia berselawat kepada baginda.

Conversion, Marriage And Death: Three Quick Events

By: Md. Yunus Abdullah

It is often said, in all cultures, that one of the most important events of a young man's or young woman's life, is getting married. This simple act of the 'legal' union of man and woman in marriage, is a commitment by the couple to each other; to their families and community, and possibly more importantly, to the laws ordained and commanded by the Creator – Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, in the case of Muslims at least.

Marriage for Muslims is "fifty percent of religion" the Prophet of Islam *Shallallahu 'alaihi wasallam* stated and which is recorded in the hadits. It is, indeed, a great event for Muslims but it can also be a simple and private event.

Marriage in Islam, takes place usually, between two consenting parties. That is the Muslim woman must agree to the marriage, she must not be forced into a marriage against her will. Similarly, neither should the Muslim man, be forced to marry a woman he does not wish to marry. In the past, as today, parents played an important role in the lives of their children, with regard to the approval and sometimes the choosing of the marriage partner. Naturally, parents wish that their chidren should be happy and contented in their marriages. This state of happiness and contentment can really only have any chance of being attained if both parties agree to the union or marriage. This is quite a simple and fundamental point, one might suppose, however, often the wishes of one party are overlooked or no taken seriously.

In fact, there is such an example mentioned in the Qur'an where Zayd the Prophets *Shallallahu 'alaihi wasallam* adopted son was 'forced' to marry a woman he did not wish to marry. In fact it was the Prophet Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* who arranged the marriage. The marriage took place but

due to the discontent shown by both parties it was later annulled. This example, is a great guide as to how Muslim should conduct their affairs, with regard to marriage and in fact in other matters, where an error has been made. The error should not be allowed to go uncorrected, even as in the example mentioned, it was made by the Prophet Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* it has to be corrected, if that is the wish of one or both parties concerned.

To get married is probably a relatively easy and quick thing to do, once both parties agree and if possible both families also approve. In Islam Muslims are told to do three things quickly with regard to human relations and the especially the family.

Firstly, should a non – Muslim wish to become a Muslim. The conversion should be done without unnecessary delay or protracted discussion or any persuasion.

Secondly, should a Muslim wish to marry, with a consenting party, of course, then this marriage should take place speedly and without delay.

Thirdly, should a Muslim die he or she should be buried quickly without undue delay and ceremony.

The basic reasons for such instructions or guidelines, are not too difficult to understand. In Islam, there are, however, usually deeper and more complex reasons, that are only understood or partly understood, by a few learned people and then after much study and, of course, with Allah *Subhanahu wa Ta'ala's* permission.

With regard to the first mentioned – the conversion of a non-Muslim. Why, it may be asked, should someone wishing to become a Muslim be allowed to do so quickly. To answer this, one need only refer to the Qur'an and the hadits. Those who read the Qur'an, as part of their search for the meaning of life, or some such similar quest, for example, and are not Muslims, may wish to become Muslim immediately. This is so because what they may have read has had such a profound effect on them. What they have read 'forces' them into becoming Muslims, as they may have learnt the answer to so many questions that have troubled them throughout their lives – they find the truth. It is the finding of the truth that changes peoples lives; that answers innumerable questions; that gives inner peace and contentment. It gives these people renewed vigour, to live their lives within the laws and rules of Islam and to dedicate their lives, perhaps, to the cause of Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. This is indeed possible and has happened, probably, to many people worldwide, I include myself amongst them. *Alhamdulillah*.

Once one wants to become a Muslim, as a result of reading the Qur'an perhaps, what one has read in the Qur'an, takes on a new meaning and a new importance. For example, in the Qur'an there are constant references – to not dying a Kafir or not – Muslim, therefore, if

(Continue to page 16)

(Continued from page 15)

one wants to become a Muslim, usually one wants to become one immediately, or as soon as possible. The reason is simple, since no one knows when one will die, there is great fear attached to dying, as a non-believer. We all assume that we will be here tomorrow, to do this and that but we have no guarantee, we cannot possibly know for sure. How can we, therefore, leave for tomorrow what we should have done today? Especially something as important as becoming a Muslim!

Becoming a Muslim in this case is literally a matter of life and death! If one dies a non-Muslim, then the doors of paradise could be permanently shut, and the torture of the grave, maybe great indeed. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* knows best in all things. On the other hand, becoming a Muslim reduces the fear of death, since the rewards are clearly stated in the Qur'an for good Muslims – those who actually strive in their lives and actions to obey Allah *Subhanahu wa Ta'ala's* law and commands. Therefore, to practice being a good Muslim is, of course, essential.

This is done, any Muslim will tell you, by adhereing to and obeying the often called 'Five Pillars' of Islam. These are the main bases or commands that Muslims are required to practice. This means that every Muslim should do the following:

Firstly, say and believe absolutely the *Shahadah Kalimah: La ilaha ilallah Muhammadarrasulullah:* which states in English "There is no god but Allah; and that Muhammad is His messenger".

Secondly, to perform the five compulsory daily prayers.

Thirdly, to pay the compulsory Zakat (or charity payment in English).

Fourthly, to perform the compulsory *Sawm* (or 'fast' in English)

Fifthly, to perform the Haj (or pilgrimage in English) if one is able to do so.

In the hadits, we are told that these five acts or duties will open the doors of paradise to the believer *Insya* Allah. The reduction of the fear of death and a better understanding of it, helps the Muslim to live his or her life more fruitfully and meaningfully. Contentment in this life, is based on this acceptance, this surrender to the commands of Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Muslims are encouraged to be constantly aware of death and the trials that follow death and to prepare in this world of death. The only real 'antidote to death', if that is the correct way of putting it, is to DO the basic five duties and to DO good in the world. Muslims believe that this short life is but a prelude to everlasting life either in paradise or in the fire. What we do here and how we behave here is recorded. Everything when the time comes (which usually implies on the Day of Judgement) we will learn, what we did in the past and we will be judge accordingly – swiftly but fairly. We are told by the Prophet of Islam Shallallahu 'alaihi wasallam "Worship Allah like you see Him for surely He sees you." On the Day of Judgement of Qiamat we will answer for our deeds. In fact, our bodies will speak for us, that is, our arms, skin, etc but we will not be able to say anything, only listen passively. Hence, what we do here, in this world, has to be carefully thought out and we should follow the guidelines of the Qur'an and the hadits.

Therefore, Muslims should live in this world, as if they will live forever but also prepare to the next, as if they were to die while they are doing their prayers. This seemingly contradictory statement, stresses upon the Muslim, the fact, that he or she has to conduct his or her life within the bounds or the rules of Islam; that is to worship Allah *Subhanahu wa Ta'ala* only and to do good at all times. Such behaviour will, *Insya* Allah, make this world an easier place to live in and ensure that our good deeds open the doors to paradise in the next world.

The death of a Muslim, is usually accompanied by a hasty burial. There are various hygienic and sanitary considerations that have in the past necessitated the burying of corpses quickly it has been suggested. Of course, the speedy burial of a dead person, reduces the length of 'time' the suffering of the family, since the body is removed and placed in the grave so that, though certain days of mourning have been ordained, live can proceed in the house with relative normality. Death to Muslims, is not necessarily, a 'terrible' event but it is one that all must suffer and good Muslims have been promised by Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, that the grave need to be a place of total darkness and no light.

We all have to die, irrespective of our religions or beliefs, we all share this common bond this common 'sorrow' or 'end' possibly. In death there is the equality of mortality. How various cultures deal with this 'event'. Are indeed varied dan diverse. Cremation of the body, leaving the body for birds to peck clean, mummifying the remains, burying bodies in deep holes and the burning of the bodies, are just some of the ways dead bodies have been dealt with in the past and are being dealt with at the present time. Ways of remembering the dead are also interesting and diverse ranging from the erecting of idols or statues to newspaper obituary colums and flowers placed on the grave. Statues and other such things are erected so that people do not forget the famous or infamous dead of various cultures in the world.

Such commemoration is not allowed in Islam. Should we wish to console, remember or respect the dead, this we can do only, by praying to Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. He is the Controller of all things and to Him we turn for all our needs. The Qur'an tells us continually that we come from Allah *Subhanahu wa Ta'ala* and on death to Him we return, all of us, whether Muslim or non-Muslim.

In Islam the 'deceased' are not entirely alone or outside our reach. Our prayers for those who have passed away reach them, with Allah *Subhanahu wa Ta'ala's* permission, causing, *insya* Allah, their suffering to be eased or their peace to be enhanced. We as Muslims, do not lose our links with the dead, we maintain them and at certain times of the year, it is our duty to attend to the graves of those who have departed. Especially near the completion of the month of Ramadhan, Rememberance of the dead ensure that perhaps we will also be remembered when we pass away. Also it reminds us that we will be laid to rest at some time in the future. Perhaps, if we remember death we live life more determinedly and with more gratitude and recognition of the gifts that Allah *Subhanahu wa Ta'ala* has given us.

What has gone before is a simple and basic account of 'three quick events' in Islam namely conversion, marriage and death. What we need to remember is that Allah *Subhanahu wa Ta'ala* is always our witness whether we remember this or forget. One things we do know for sure is that He will not forget and we will be made accountable for our actions both good and bad and also, of course, for the actions we did not do. We know the theory very well, *insya* Allah we will put into practice our knowledge for the benefit of all Muslims and non-Muslims.

25 Rasul
Nabi Zulkifli *'Alaihissalam*

- Nama sebenar Nabi Zulkifli *'alaihissalam* ialah Basyar yang merupakan anak kepada Nabi Ayub *'alaihissalam*.
- Gelaran Zulkifli diberikan kerana kesanggupan baginda menjalankan amanah raja yang sudah tua yang tidak mempunyai anak untuk mewarisi takhta kerajaan dan tidak sanggup menerajui pemerintahnnya.
- Disebabkan kesanggupannya melalui berbagai dugaan dan cubaan berat yang tidak disanggupi oleh orang lain iaitu berpuasa di siang hari dan beribadat di malamnya serta bersabar dalam menghadapi berbagai urusan, maka Nabi Zulkifli *'alaihissalam* pun dilantik menjadi raja di negeri tersebut.
- Nabi Zulkifli *'alaihissalam* menjalani kehidupannya dengan penuh kesabaran. Pada siang hari, baginda berpuasa di samping memerintah negara dengan cekap dan adil. Di sebelah malamnya pula, baginda menghabiskan sebahagian besar masanya dengan beribadat kepada Allah.
- Rakyat Nabi Zulkifli *'alaihissalam* berumur panjang. Ini terkabul dari doa Nabi Zulkifli *'alaihissalam* yang memohon panjang umur seperti yang diingini rakyatnya. Namun begitu, rakyatnya mula sedar, dan meminta Nabi Zulkifli *'alaihissalam* berdoa agar dikembalikan semula usia dan ajal sebagaimana yang telah ditentukan.
- Nabi Zulkifli *'alaihissalam* wafat pada usia 75 tahun.



نام ۲ إينده
NAMA-NAMA INDAH

NAMA ANAK LELAKI

نقيب حراز
Naqib Harraz
Ketua, Yang Wara'
Leader, Devout In Religion

فكري معظم
Fikri Mu'azzam
Fikiranku, Yang Dimuliakan
My Opinion, Honoured

إذعان حكيم
Idz'an Hakeem
Merendah Diri, Yang Bijaksana
Humble, Intelligent

NAMA ANAK PEREMPUAN

نور علياء بشيره
Nur 'Alya Basyirah
Cahaya, Ketinggian / Kemuliaan, Penyampai Berita Gembira
Light, Height / Honour, One Who Conveys Good News

روضة الونيه
Raudhatul Waniyyah
Taman Mutiara
Garden Of Pearl

نور فضلنا حصيفه
Nur Fadhlina Hasifah
Cahaya, Kelebihan Kami, Yang Bijak
Light, Our Advantage, Our Speciality

PESERTA **KURSUS FIQH AS-SHALAH** TERIMA SIJIL

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN – Kursus Pengukuhan Islam bagi Kursus Fiqh As-Shalah yang dikendalikan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) selama empat hari yang bermula pada 28 Januari lepas berakhir hari ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada pegawai dan kakitangan kerajaan di negara ini. Majlis berlangsung di Bilik Kuliah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah pada 19 Rabiulawal 1434 bersamaan 31 Januari 2013.

Dayangku Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Ketua Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kursus bagi 40 peserta kursus lelaki ialah, Awang Imaharan bin Haji Metali Pegawai, Bahagian Penyebaran Da'wah, sementara penyampaian sijil bagi 40 peserta kursus perempuan disampaikan oleh, Dayangku Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Ketua Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah.

Kursus antara lain bertujuan untuk memberikan pengetahuan mengenai rukun Islam yang kedua iaitu Sembahyang Fardhu di samping untuk meningkatkan kefahaman mengenai hukum-hakam sembahyang yang bersesuaian dengan Mazhab Syafi'e dengan peribadatan yang sempurna serta menghalusi bacaan dan tatacara (praktikal) dalam ibadah sembahyang.

Melalui kursus ini diharap para peserta dapat memperolehi kefahaman yang lebih jelas serta dapat mengulangkaji pengetahuan yang ada supaya diamalkan dalam kehidupan seharian dan menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

106 MURID MEMULAKAN **PERSEKOLAHAN AGAMA** BAGI DAERAH TEMBURONG

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin

TEMBURONG – Persekolahan agama diwujudkan di Negara Brunei Darusslam, antara lain bertujuan untuk mendidik kanak-kanak agar faham, percaya dan mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Di Daerah Temburong, seramai 106 murid terdiri daripada 59 murid lelaki dan 47 murid perempuan didaftarkan bagi mengikuti pendidikan agama di beberapa buah sekolah agama di daerah ini.

Sesi pendaftaran murid-murid Darjah Pra sekolah agama bagi Sekolah Ugama Bokok berlangsung pada 26 Safar 1434 bersamaan 9 Januari 2013. Pendaftaran bermula dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Dayang Hajah Norizan binti Zainal, Guru Besar Sekolah Ugama Bokok.

Dayang Hajah Norizan, antara lain menjelaskan beberapa program yang dijalankan di sekolah berkenaan termasuk bagi murid-murid Darjah Pra.

Antara program yang diikuti ialah Program Insyirah, yang antara lain bagi mengisi masa belajar bagi murid-murid peringkat rendah dengan pelbagai aktiviti-aktiviti tertentu.

Selain Program Insyirah, mereka juga akan mengikuti Program 4 "Cha" iaitu 'cerdik', 'cermat', 'cergas' dan 'ceria' iaitu satu program yang telah dilancarkan pada tahun lepas.

Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012 antara lain menyatakan bahawa tiap-tiap ibu bapa hendaklah, jika anaknya adalah seorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah agama pada 1 Januari 2013, memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah agama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh pendidikan agama wajib.

Ibu bapa yang melanggar perintah tersebut adalah dianggap sebagai melakukan satu kesalahan.



SOALAN :

1. Salah satu nama hari kiamat yang bermaksud Hari Kegoncangan dan Keributan
2. Penyudah yang baik.
3. Sifat Membesarkan Diri
4. Tempat persinggahan pertama sebelum menuju akhirat.
5. Lidah hendaklah dipelihara daripada .....
6. Salah satu nama selawat.

JAWAPAN MENGUJI MINDA

bagi Disember 2012

E	M	A	A	L	A	B	A	D	A	N	U	B	F	T
N	U	S	U	S	S	A	L	I	H	Y	I	K	O	L
I	E	Y	E	R	N	N	S	W	N	Y	D	E	S	L
E	G	N	A	Y	A	H	A	C	R	E	B	W	F	U
T	I	K	G	R	B	S	A	J	A	L	J	T	O	I
H	A	O	M	U	L	I	A	S	L	J	L	I	R	I
I	Y	T	Q	A	K	A	H	D	E	M	J	M	S	M
S	A	O	P	A	G	U	N	Y	U	L	T	A	S	T
R	C	R	S	K	D	C	I	I	A	T	E	G	T	A
E	R	A	K	U	J	A	W	K	A	N	S	U	A	S
B	A	I	A	H	I	S	R	U	Y	A	G	N	E	O
H	A	I	H	A	A	B	A	E	K	I	S	G	T	K
B	M	E	N	J	A	G	A	R	A	U	B	I	D	U
L	E	D	O	T	Q	Q	U	D	N	A	K	U	N	L
M	M	P	T	I	N	K	U	T	A	P	L	M	L	G

ANAK YANG BAIK

Seorang **anak** *yang* **baik** *hendaklah menempatkan ibu bapa di tempat yang paling* **mulia** *dan* **agung** *di dalam sanubari sekaligus berusaha menjadi anak yang* **salih**. *Anak yang salih dan taat kepada ibu bapanya di akhirat kelak mukanya akan* **bercahaya**.

Penyewaan Alat-Alat

PEMBESAR SUARA PDI

- Doa Selamat Menunaikan Fardhu Haji
- Majlis sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam
- Akad Nikah
- Perkahwinan
- Khatam Al-Quran
- Berdikir

KADAR SEWA B$100 TUNAI

Borang dan keterangan lanjut boleh didapati di:
Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Kampong Pulaie, Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam BB4310
Tel: ***2383996***

MAJLIS PENUTUPAN DIKIR
DI JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH

Oleh: Suriati Hj. Ali Hussin

Tetamu kehormat dan jemputan khas di majlis berkenaan.

KAMPONG KIARONG – Majlis Dikir yang diadakan selama 12 malam berturut di masjid-masjid seluruh negara bagi memeriahkan dan menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* pada tahun ini telah berakhir pada malam 12 Rabiulawal 1434 bersamaan 23 Januari 2013.

Majlis Penutupan Dikir sebagai tanda berakhirnya majlis tersebut telah berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Majlis dihadiri oleh Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat yang juga mengepalai bacaan Surah al-Faatihah.

Juga hadir ialah Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof, Setiausaha Tetap (Bahagian Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para jemaah dan penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

Di antara jemputan yang turut hadir menyemarakkan majlis berkenaan.